



KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRaits TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI	9/11/2023
CATATAN		

Masjid utama di bawah Jakim diarah baca doa Qunut Nazilah

Kuala Lumpur: Semua masjid utama di bawah seiliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) iaitu Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin diarahkan untuk membaca doa Qunut Nazilah dalam setiap solat fardhu bermula semalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Mohd Na'im Mokhtar berkata, masjid dan surau di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) juga sudah diminta untuk melaksanakan perkara yang sama.

Menurutnya, Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menggecam dan mengutuk perbuatan tidak berperikemanusiaan Zionis yang terus menerus melancarkan serangan kepada Gaza, Palestin.

"Serangan tidak berperikemanusiaan itu menyebabkan kematian dan kecederaan termasuk kanak-kanak serta memusnahkan kediaman, premis awam dan sebagainya.



Serangan tidak berperikemanusiaan itu menyebabkan kematian dan kecederaan termasuk kanak-kanak serta memusnahkan kediaman, premis awam dan sebagainya"

Mohd Na'im



awam dan sebagainya.

"Tindakan Zionis adalah biadab serta amat tidak bertanggungjawab.

"Justeru, marilah bersama-sama kita terus bersatu hati berdoa agar Allah SWT memberikan kesejahteraan dan keamanan buat rakyat Gaza di Palestin," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Selain itu, katanya, masyarakat perlu terus menghulurkan bantuan dan sokongan dalam pelbagai platform menyatakan solidariti kepada penduduk Ga-

za.

Pegawai kesihatan di Gaza menganggarkan serangan Israel membunuh lebih 10,000 orang, dengan kira-kira 40 peratus daripada mereka kanak-kanak, mendorong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa Bangsa (PBB) Antonio Guterres memberi amaran bahawa Gaza menjadi 'kuburan untuk kanak-kanak.'

Kelmanin, genap sebulan rejim Zionis Tel Aviv melakukan pengeboman berterusan di seluruh Gaza sejak 7 Oktober lalu.